



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"AL-AQSA AS-SYARIF - SEMBOYAN PENCETUS KESEDARAN UMMAH"

21 Mei 2021 / 9 Syawal 1442

الْحَمْدُ لِلّٰهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَالدِّينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الْدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللّٰهِ شَهِيدًا. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ. وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا آيُهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِنُوكُمْ وَإِيَّايٍ بِتَقْوَى اللّٰهِ³ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى:
**مَنَ الْمُؤْمِنُونَ رِجَالٌ صَدَقُوا مَا عَاهَدُوا اللّٰهَ عَلَيْهِ فَمِنْهُمْ مَنْ قَضَى نَحْبَهُ وَمَنْ مِنْهُمْ مَنْ يَتَنَظَّرُ⁴
وَمَا بَدَّلُوا تَبَدِّيلًا ⑬**

Maksudnya: Di antara orang-orang yang beriman itu, ada yang bersikap benar menunaikan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah (untuk berjuang membela Islam); maka di antara mereka ada yang telah selesai menjalankan janjinya itu (lalu gugur syahid), dan di antaranya ada yang menunggu giliran; dan mereka pula tidak mengubah (apa yang mereka janjikan itu) sedikitpun.

(Surah Al-Ahzab ayat 23)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mentaati segala perintah Nya dan menjauhi segala larangan Nya. Mudah-mudahan kita termasuk dalam kalangan orang-orang yang dikasihi Ilahi, dikurniakan rahmat kejayaan di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: "**AL-AQSA AS SYARIF – SEMBOYAN PENCETUS KESEDARAN UMMAH**".

Muslimin yang dirahmati Allah,

Masjid al-Aqsa yang terletak di bumi Palestin ialah kiblat pertama umat Islam dan merupakan masjid ketiga termulia dalam Islam selepas Masjidilharam di Mekah dan Masjid Nabawi di Madinah. Masjid al-Aqsa disebut dalam al-Quran sebagai tempat persinggahan

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa

⁴ Ayat Al-Quran



Rasulullah SAW semasa peristiwa Isra' dan Mikraj. Firman Allah dalam ayat 1 surah Al Isra':

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيَلَّا مِنَ الْمَسَاجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسَاجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَّكَنَا
حَوْلَهُ لِرِيَةٍ وَمِنْ ءَايَتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ①

Maksudnya: "Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haram (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkat sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."

Masjid Al-Aqsa berkait rapat dengan sejarah para Nabi terdahulu yang diutus oleh Allah SWT, dianggap kawasan suci umat Islam. Al-Quran menamakan Palestin sebagai Al-Ard al-Muqaddasah yang bermakna tanah yang suci sebagaimana firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا أَيُّهَا الْأَرْضُ الْمُقَدَّسَةُ الَّتِي كَتَبَ اللَّهُ لَكُمْ وَلَا تَرْتَدُوا عَلَى أَذْبَارِكُمْ
فَتَنَقْبِلُوا خَسِيرِينَ ٦١

Maksudnya: "(Nabi Musa berkata lagi): Wahai kaum ku, masuklah ke Tanah Suci (Palestin) yang telah diperintahkan oleh Allah untuk kamu (memasukinya); dan janganlah kamu berbalik undur ke belakang, (kalau kamu undur) maka kamu kelak menjadi orang-orang yang rugi (di dunia dan di akhirat)".
(Surah Al-Maidah ayat 21)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Pada 25 Ramadan bersamaan 7 Mei yang lalu, tentera Zionis Israel telah menghalang laluan dan menghalau warga Palestin yang mahu menunaikan solat Jumaat terakhir Ramadan di Masjid al-Aqsa, begitu juga gangguan yang dilakukan ketika umat Islam sedang melakukan solat tarawih pada waktu malamnya. Gangguan demi gangguan dilakukan oleh Zionis Israel terhadap umat yang mahu menunaikan ibadah di Masjid al-Aqsa, disusuli dengan serangan terhadap Semenanjung Gaza mulai 28 Ramadan, menjelangnya Aidilfitri. Serangan yang dilakukan ke atas rumah kediaman, pejabat dan prasarana keperluan rakyat telah menyebabkan berlakunya kesengsaraan rakyat Palestin. Tentera Udara Zionis Israel turut memusnahkan Menara Al-Jalas, pejabat yang menempatkan beberapa buah organisasi media di Gaza termasuk pejabat Al-Jazeera.



Al-Aqsa As-Syarif, tapak suci milik umat Islam dimandikan darah, ratusan syahid terkorban, di samping ribuan lagi tercedera, termasuk orang tua, wanita dan kanak-kanak. Gelagat rejim Zionis Israel merupakan perbuatan zalim, malah perbuatan yang melanggar hak asasi manusia yang mahu melakukan ibadah keagamaan secara aman. Perbuatan menindas lagi zalim yang dilakukan dalam bulan Ramadan dan Syawal terhadap penduduk Palestin, menikam jantung umat Islam di seluruh dunia.

Masjid al-Aqsa telah dijadikan sasaran untuk dicerobohi oleh Zionis Israel sejak tahun 1967. Pada tahun 1969, mereka cuba membakar Masjid al-Aqsa. Usaha memusnahkan Masjid al-Aqsa dijadikan sebahagian daripada agenda pengyahudian Zionis Israel.

Muslimin yang dirahmati llahi,

Setiap sesuatu yang berlaku di dunia ini, mengandungi pelajaran. Manusia perlu bijak menghalusi dan mendalami perkara-perkara yang tersirat di sebalik yang tersurat.

Pembebasan Masjid al-Aqsa ialah satu tuntutan yang mesti didukung oleh setiap Muslim di seluruh dunia. Dr. Umar Hashim, mantan Rektor Universiti al-Azhar dalam satu ceramah menerangkan Masjid al-Aqsa akan berjaya dibebaskan oleh umat Islam apabila umat Islam terlebih dahulu dapat membebaskan diri daripada hawa nafsu. Beliau memetik kisah Panglima Islam, Salahuddin al-Ayubbi yang berazam membebaskan Baitulmuqaddis daripada cengkaman tentera salib.

Dalam perjalanan ke Masjid al-Aqsa, Salahuddin berjumpa seorang sufi dan menyatakan hasrat beliau mahu membebaskan Baitulmuqaddis. Sufi tersebut menasihatkan Salahuddin untuk memerdekaan dahulu dirinya dan diri tenteranya daripada hawa nafsu dan maksiat agar dianugerahkan kejayaan oleh llahi. Berdasarkan kisah tersebut mimbar menyeru umat Islam untuk bersedia berkorban fisabillah, dengan menghayati firman Allah dalam surah at-Taubah ayat 24:

قُلْ إِنَّ كَانَ ءَابَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ وَإِخْوَانُكُمْ وَأَزْوَاجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَالُ أَقْرَفُوهَا وَتِجَارَةٌ تَحْشُونَ كَسَادَهَا وَمَسِكِنٌ تَرْضَوْنَهَا أَحَبَّ إِلَيْكُم مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَجِهَادٍ فِي سَبِيلِهِ فَتَرَبَّصُوا حَتَّىٰ يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ



Maksudnya: "Katakanlah (wahai Muhammad): Jika bapa-bapa kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan isteri-isteri (atau pasangan) kamu, dan kaum keluarga kamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbang akan rugi, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu suka, menjadi perkara-perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan Rasul Nya dan (daripada) berjihad untuk agama Nya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusan Nya (azab seksa); kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik (derhaka)."

Muslimin yang dirahmati Ilahi

Antara perkara yang wajib direnungkan melalui peristiwa yang sedang berlaku terhadap Masjid al-Aqsa ialah:

Pertama: 1.9 bilion umat Islam, tidak dapat dan tidak mungkin dapat secara bersama mengembalikan tanah air rakyat Palestin selagi berlakunya perbezaan pendapat yang ketara antara pemimpin negara-negara Islam seperti yang berlaku ketika ini.

Kedua: Allah SWT melimpahkan kekayaan kepada negara-negara Islam, malangnya kekayaan yang dijana daripada minyak, digunakan untuk perlumbaan kemewahan dan bukan untuk pembangunan teknologi, perkembangan ilmu dan membina kekuatan ekonomi jangka panjang untuk manfaat majoriti ummah agar dapat menguasai dunia.

Ketiga: Negara Islam yang dianggap kaya raya dengan hasil minyak, dan umat Islam yang terdiri hampir 25 peratus penduduk dunia, pada tahun 2020, hanya memiliki nilai keluaran dalam negara kasar berjumlah 4.83 trilion dolar Amerika, merupakan lima peratus keseluruhan ekonomi dunia, berbanding hampir 21 trilion dolar Amerika yang dimiliki oleh Amerika Syarikat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Sebagai penutup khutbah pertama, mimbar menyeru umat Islam agar kedudukan MasjidilAqsa dan peristiwa yang berlaku di Baitulmuqaddis dijadikan petunjuk untuk:

Pertama: Sedar tentang adanya kaitan keimanan dan akidah umat Islam dengan Masjid al-Aqsa. Oleh itu niat dan usaha muharramah membebaskannya akan hanya dimakbulkan Ilahi apabila niat dan usaha dikembarkan dengan keazaman membersihkan diri daripada pengaruh nafsu keduniaan dan perlakuan maksiat.



Kedua: Menginsafkan umat Islam, terutama pemimpin Islam agar kembali memenuhi amanah dan menghayati peranan khalifah berlandaskan Islam, menyempurnakan tanggungjawab secara amanah, jujur dan ikhlas; tidak menyalahgunakan jawatan dan kedudukan untuk membina kekayaan peribadi, kekayaan keluarga dan kekayaan kroni dengan pelbagai perbuatan menyeleweng hingga khazanah negara menjadi tiris dan rakyat hidup dalam sengsara.

Ketiga: Hindarilah perpecahan dan bina kesatuan merentasi sempadan dan kumpulan, memperjuangkan agenda yang lebih besar dengan mengabdikan diri atas nama dan kerana Allah SWT

Keempat: Menginfakkan sebahagian harta yang kita miliki untuk manfaat saudara kita di Palestin. Masjid, surau, jabatan kerajaan, badan perniagaan, pertubuhan dan orang-orang perseorangan hendaklah sama-sama membantu menjayakan usaha yang dirintis oleh Jabatan Agama Islam Perak sejak 5 Syawal yang lalu, melancarkan kutipan derma untuk Tabung Kecemasan dan Kemanusiaan bagi Penduduk Palestin. Mana-mana ahli kariah yang ingin menderma, boleh menyerahkan sumbangan anda ke tabung khas yang disediakan oleh pihak masjid dan surau diri Jumaat di seluruh negeri Perak selewatnya-lewatnya pada hari Selasa 25 Mei 2021.

Kelima: Mendoakan keselamatan dan kesejahteraan saudara-saudara kita di bumi Palestin. Ya Allah! Sebagaimana Engkau pernah menghantar Burung-burung Ababil menghancurkan tentera bergajah Musyrikin, maka kami memohon kepada Mu Ya Allah, turunkanlah bantuan kali ini kepada hamba-hamba Mu yang sedang dizalimi di Palestin; kepada Mu kami pohonkan sebesar-besarnya perlindungan ke atas Masjid al-Aqsa.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ
مِثِي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ
إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁵ وَكَفَى، وَأَصْلَى وَأَسْلَمَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الْمُصْطَفَى، وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَهْلِ الْوَقَا، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁶ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا أَمَّا بَعْدُ، فِيَّا عِبَادَ اللَّهِ! إِتَّقُوا اللَّهَ⁷ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar kita tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, hingga ke hari ini. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkanlah rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا⁸
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁹، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَالْفَلْفَلَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ^{صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ}. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ. اللَّهُمَّ انصُرِ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ خُصُوصًا فِي فَلَسْطِينِ، وَفِي كُلِّ مَكَانٍ وَفِي كُلِّ زَمَانٍ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ، وَالْوَبَاءَ، خُصُوصًا فِيْرُوسَ الْكُورُونَا، وَالْغَلَاءَ، وَالْمِحْنَ، وَالْفِتَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بُلْدَانِ عَامَّةً.

⁵ Memuji Allah

⁶ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁷ Pesan Taqwa

⁸ Ayat Al-Quran

⁹ Doa Untuk Kaum Muslimin



Ya Allah, berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan fuqara dan masakin daripada kekufturan serta lindungilah mereka daripada kefakiran yang berpanjangan. **Ya Allah**, berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat. Peliharalah kami daripada seksa dan azab api neraka.

Ya Allah, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah al-Maghfur-lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعُدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعْظُلُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾. فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.